

Kompetensi Guru Bahasa Melayu Luar Bandar Mengaplikasikan Google Classroom Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Competence of Rural Malay Language Teachers Applying Google Classroom in the Teaching and Learning Process)

Nur Farhanis Fathiah Anuaruddin^{1*}, Nor Azwahanum Nor Shaid^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p130171@siswa.ukm.edu.my

Received: 30 April 2025 | Accepted: 2 June 2025 | Published: 30 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2025.7.2.6>

Abstrak: Penggunaan teknologi digital dalam pendidikan semakin penting untuk memperkukuh pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Kajian ini dijalankan untuk meninjau kompetensi guru Bahasa Melayu luar bandar mengaplikasikan Google Classroom dalam proses PdP. Seramai 205 orang guru Bahasa Melayu dari sekolah luar bandar di daerah Kuantan dipilih sebagai responden. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik dan data dianalisis secara statistik deskriptif. Analisis inferensi menggunakan Ujian Spearman's Rho pula dijalankan bagi mengkaji hubungan antara pemboleh ubah. Semua data diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 29.0. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada paras tinggi, manakala tahap kemahiran dan sikap berada pada paras sederhana. Terdapat hubungan positif yang tinggi antara pengetahuan dan kemahiran ($r_s = .812, p = .001$), serta hubungan positif sederhana antara pengetahuan dan sikap ($r_s = .562, p = .001$) dan antara kemahiran dan sikap ($r_s = .630, p = .001$) dalam mengaplikasikan Google Classroom dalam proses PdP. Kajian ini menekankan keperluan latihan yang berterusan untuk meningkatkan kemahiran digital dan memupuk sikap proaktif dalam kalangan guru luar bandar. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka program pembangunan profesional yang bersesuaian bagi memperkukuh pelaksanaan PdP digital.

Kata Kunci: Kompetensi, Google Classroom, Guru Luar Bandar, Bahasa Melayu, Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp)

Abstract: The integration of digital technology in education has become increasingly important to strengthen teaching and learning processes in the classroom. This study aimed to examine the competency of rural Malay language teachers in applying Google Classroom in their teaching and learning practices. A total of 205 Malay language teachers from rural schools in the Kuantan district were selected as respondents. This quantitative survey study utilised a structured questionnaire and the data were analysed using descriptive statistics. Inferential analysis using Spearman's Rho test was conducted to examine the relationships between the variables. All data were processed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 29.0. The findings revealed that the teachers' level of knowledge was high, while their levels of skills and attitude were moderate. A strong positive correlation was found between knowledge and skills ($r_s = .812, p = .001$), as well as moderate positive correlations between knowledge and attitude ($r_s = .562, p = .001$), and between skills and

attitude (rs = .630, p = .001) in applying Google Classroom in teaching and learning. This study highlights the need for continuous training to enhance digital skills and foster proactive attitudes among rural teachers. The findings can be utilised by the Ministry of Education Malaysia in designing relevant professional development programmes to strengthen the implementation of digital teaching and learning.

Keywords: Competence, Google Classroom, Rural Teachers, Malay Language, Teaching And Learning

1. Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia kini sedang berevolusi dengan pantas dalam pelbagai dimensi yang meliputi strategi, pendekatan, teknik, bahan atau sumber pengajaran dan pembelajaran (PdP). Perkembangan Revolusi 4.0 dan Dasar Pendidikan Digital juga telah membawa impak yang positif dalam sistem pendidikan negara kerana memacu pengintegrasian teknologi dalam proses PdP dengan lebih berkesan. Kini beberapa istilah baharu juga mulai wujud dalam bidang pendidikan seperti e-pembelajaran, m-pembelajaran, kecerdasan buatan (AI), kembar digital, pembelajaran virtual dan realiti terimbu (AR) serta kelas digital. Kini, penggunaan teknologi dalam bilik darjah bukanlah lagi satu pilihan, tetapi keperluan bagi memastikan PdP sentiasa relevan, berkesan dan selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Antara aplikasi pembelajaran dalam talian yang semakin diterima dalam sistem pendidikan hari ini ialah Google Classroom (GC), sebuah platform yang dicipta oleh Google yang menyokong interaksi antara guru dengan murid dan menguruskan tugas secara digital.

Sejak beberapa tahun yang lalu, penetapan untuk menggunakan perisian GC sebagai platform kelas digital telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Penggunaan perisian Frog VLE sebelum ini telah diganti sepenuhnya dengan perisian GC apabila tamatnya perkhidmatan 1BestariNet (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Perisian ini dipilih kerana sifatnya yang mesra pengguna serta sebilangan besar guru di Malaysia sudah terbiasa dengan ekosistem android yang banyak meliputi perkhidmatan daripada Google itu sendiri. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pengaplikasian GC turut dilihat selari dengan anjakan ke-7 pelan tersebut yang secara jelas menggariskan keperluan bagi memanfaatkan teknologi serta komunikasi secara meluas dalam usaha meningkatkan mutu pembelajaran di Malaysia. Malah, PPPM turut menekankan bahawa guru perlu dibimbing dan dilatih untuk menjadi pengguna teknologi yang berkesan, bukan sahaja dalam aspek pengajaran tetapi juga dalam pengurusan bilik darjah dan pentaksiran.

Seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21, PdP yang terkini sangat dititikberatkan. Penggunaan teknologi mudah alih seperti GC dalam menggantikan kaedah pengajaran tradisional sangatlah digalakkan. GC telah menjadi antara aplikasi utama yang digunakan dalam melaksanakan PdP semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Keadaan ini mendorong kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mempergiat usaha memperluas pelaksanaan PdP secara dalam talian. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan peranti kelas digital seperti GC ini mampu membuka minda guru dan murid ke arah pembelajaran yang lebih efektif. Sifatnya juga mesra pengguna, mudah diakses dan menyokong pelbagai fungsi PdP seperti tugas, penilaian serta interaksi dua hala secara maya antara guru dan murid.

Kesimpulannya, melaksanakan PdP dengan menggunakan aplikasi ini merupakan satu usaha progresif yang sejajar dengan dasar pendidikan negara dan keperluan semasa dunia pendidikan. Namun begitu, untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya, kompetensi guru perlu diberi perhatian yang serius. Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana guru luar bandar mempunyai kompetensi yang diperlukan dalam mengendalikan PdP secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi GC. Kajian ini diharap dapat menjadi sumbangan bermakna dalam usaha memperkukuh amalan PdP berasaskan teknologi dalam kalangan guru luar bandar, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

2. Sorotan Literatur

Merujuk kajian Ching, M. C. H. (2022), beliau mendapati bahawa penularan pandemik Covid-19 telah memberi dugaan yang serius kepada penduduk negara kerana menjejaskan segala aktiviti rutin termasuklah bidang pendidikan. Isu ini membawa kesan apabila PdP yang biasanya dijalankan secara bersemuka perlu ditransformasikan dengan pengaplikasian kelas secara dalam talian atau maya. Oleh itu, kajian telah dijalankan oleh beliau dengan tujuan untuk mengkaji tahap penerimaan guru yang sebenar bagi menggunakan GC semasa menyampaikan PdP. Kajian kuantitatif tinjauan ini mengaplikasikan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat daripada sampel seramai 148 guru daripada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan. Dengan menggunakan persampelan bola salji, beliau menetapkan bahawa ciri utama pemilihan sampel kajian adalah individu yang pernah menggunakan GC. Analisis data kajian tersebut dilakukan secara deskriptif. Dapatan kajian menilai bahawa sikap guru menggunakan GC adalah sederhana.

Di samping itu, satu kajian oleh Lee, J. R. et al. (2022) telah dilakukan untuk menilai tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran secara dalam talian serta perkaitannya dengan kesediaan mereka untuk mengaplikasikan kaedah tersebut. Menurut beliau, kajian ini dilaksanakan kerana pengajaran secara dalam talian masih kurang dijalankan secara optimum. Hal ini kerana, tahap pengetahuan dan kemahiran para guru untuk menjalankan pengajaran dalam talian masih dianggap rendah walaupun terdapat pelbagai alat teknologi serta aplikasi PdP dalam talian yang telah disediakan (Chee, J. et. al 2018). Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian iaitu 297 orang guru sekolah rendah kebangsaan dari Mukim Rawang yang telah diminta menjawab soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru sangat berpengetahuan, berkemahiran dan bersedia untuk melaksanakan pengajaran dalam talian. Selain itu, wujudnya kolerasi positif antara tahap pengetahuan dan kemahiran terhadap tahap kesediaan guru.

Rohi, I. R. et al. (2022), telah menjalankan kajian mengenai kompetensi guru subjek Pendidikan Jasmani, Olahraga dan Kesihatan (PJOK) dalam mengoptimumkan pedagogi dengan menggunakan media GC. Menurutnya, guru mengalami masalah untuk menggunakan pendekatan PdP yang baharu apabila pandemik Covid-19 melanda kerana interaksi PdP yang biasanya bersemuka perlu ditukar kepada dalam talian. Selain itu, guru-guru juga mengalami isu iaitu kemahiran yang rendah dan beberapa rintangan yang lain untuk menjalankan PdP dalam talian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 21 orang guru dan telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Data kajian telah dikumpulkan melalui soal selidik dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Hasil kajian memperlihatkan bahawa para guru berkemahiran tinggi dalam pedagogi serta mampu mengoptimumkan pembelajaran melalui penggunaan media GC

Dalam pada itu, Wan, X. N. et al. (2022) menjalankan kajian tentang hubungan antara minat dengan kemahiran guru menggunakan GC dalam PdP Sains. Hal ini kerana, masalah tentang tahap kemahiran guru yang rendah untuk menggunakan Teknologi Maklumat (IT) dalam PdP masih wujud serta tahap penggunaan platform FrogVLE masih rendah walaupun sudah lama diperkenalkan beberapa tahun yang lalu sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti PdP pada masa kini. Kajian kuantitatif dengan kaedah tinjauan ini melibatkan 30 guru sekolah menengah dari daerah Manjung sebagai responden untuk menjawab soal selidik. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa guru perempuan lebih berminat untuk mengaplikasikan GC dalam PdP berbanding guru lelaki. Selain itu, hasil kajian juga menyatakan bahawa kedua-dua jantina guru mempunyai tahap kemahiran yang serupa untuk menggunakan aplikasi tersebut.

Merujuk Magesvaran, U. (2021), masih terdapat isu yang wujud berkaitan dengan pengaplikasian Google Meet (GM) dalam PdP dalam talian. Beliau mendapati bahawa punca permasalahan ini adalah kerana masih wujud guru yang kurang berpengetahuan dan berkemahiran dalam TMK khususnya pendidik kategori berumur. Para guru ini menghadapi kesukaran untuk menerima perubahan pendekatan PdP secara dalam talian. Kajian mengenai GM masih terhad kerana kebanyakan kajian yang telah dijalankan hanya fokus secara umum kepada aplikasi dalam PdP sahaja. Sehubungan itu, beliau menjalankan satu kajian berbentuk kualitatif untuk menilai pengetahuan guru serta cabaran-cabaran yang dihadapi mereka semasa mengaplikasikan GM sebagai medium PdP. Seramai 11 guru Bahasa Melayu sekolah menengah dipilih sebagai sampel kajian. Temu bual yang berstruktur dijalankan untuk mengumpul data kajian. Hasil kajian menjelaskan bahawa guru berpengetahuan tinggi untuk menggunakan aplikasi tersebut dalam PdP mereka. Namun, beliau menyatakan bahawa masih wujud cabaran seperti sikap pelajar yang belum bersedia bagi memulakan pembelajaran dalam talian serta daripada kerjasama ibu bapa yang terhad.

Selain itu, Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin (2021) melaksanakan satu kajian bagi mengukur tahap pengetahuan dan kesediaan guru yang mengajar di luar bandar untuk menggunakan aplikasi GC. Kajian ini dijalankan kerana beliau mendapati penggunaan GC dalam PdP masih kurang berkembang, walaupun aplikasi ini berpotensi memberikan impak positif dalam bidang pendidikan. Faktor-faktor seperti isu lokasi luar bandar, masalah fasiliti, capaian internet, ekonomi murid, pengetahuan dan kemahiran guru untuk menerima kaedah pembelajaran dalam talian menjadi punca utama. Kajian kuantitatif tinjauan ini melibatkan 262 guru sekolah menengah di Kudat sebagai responden soal selidik. Analisis data dilakukan secara statistik deskriptif. Hasil kajian memperlihatkan bahawa tahap pengetahuan guru adalah rendah namun mereka sangat bersedia terhadap penggunaan pelantar GC dalam PdPc.

Kuniawan, B. dan Purnomo, A. (2020) menyedari pembelajaran dalam talian sering dimonopoli pada peringkat pengajian tinggi berbanding pada tahap pendidikan menengah. Kewujudan masalah ini disebabkan oleh isu kelengkapan infrastruktur, budaya sekolah serta kesenjangan digital guru. Oleh demikian, satu kajian telah dilaksanakan bagi menilai kesan daripada program bimbingan penggunaan GC kepada guru subjek Ilmu Pengetahuan Sosial di Kota Malang. Kajian tersebut menggunakan reka bentuk campuran dengan kaedah kajian tindakan. Dengan melibatkan 38 guru, sampel kajian ini dipilih untuk menjawab soal selidik, menerima bimbingan dan ditemu bual. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tujuh peratus guru sahaja yang menggunakan pembelajaran dalam talian. Modul latihan yang digunakan di dalam kajian ini juga diterima baik kerana dapat memberikan pemahaman yang baik tentang GC serta guru bersikap positif semasa menggunakan GC serta menginginkan bimbingan lagi pada masa hadapan.

Dalam pada itu, Kaviza, M. (2020) menjalankan kajian untuk menilai tahap kesediaan sebenar guru dalam menerapkan penggunaan GC dalam PdP. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan tinjauan melibatkan 60 orang guru sebagai responden soal selidik. Secara keseluruhannya, guru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam pengaplikasian GC. Namun begitu, jika dilihat dari segi konstruk pengetahuan dan kemahiran, guru mempunyai tahap pengetahuan tinggi namun berkemahiran sederhana untuk menggunakan GC.

Rumusannya, kajian tentang kompetensi guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam PdP masih kurang dijalankan. Hal ini menimbulkan kelompangan tentang kajian untuk menentukan sama ada guru-guru Bahasa Melayu luar bandar benar-benar berkemahiran untuk mengaplikasikan GC dalam PdP mereka. Oleh itu, kajian ini harus dijalankan bagi mengisi kelompangan-kelompangan tersebut.

3. Metodologi

Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini melibatkan 205 responden dari sekolah luar bandar di Kuantan, Pahang. Sampel ditentukan berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) dan dipilih secara rawak. Menurut Noraini Idris (2013) persampelan rawak bermaksud satu kaedah di mana kebarangkalian yang serupa diberikan kepada setiap ahli populasi untuk dipilih sebagai sampel. Kajian ini juga menggunakan soal selidik *Google Form* yang berskala likert lima mata bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, kajian rintis dijalankan dan nilai kebolehpercayaan keseluruhan instrumen ialah 0.976. Soal selidik ini ditadbirkan kepada responden melalui e-mel sekolah. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 29.0 melalui statistik deskriptif bagi menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Penentuan tahap tersebut diinterpretasikan melalui skor min Neuman (2012) dan interpretasi nilai sisihan piawai Azman Jais (2018).

Selain itu, analisis inferensi menggunakan Ujian Korelasi Spearman Rho dilaksanakan bagi menilai hubungan signifikan, arah dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Tambahan, analisis normaliti data dijalankan terlebih dahulu bagi semua pemboleh ubah yang dikaji bagi menentukan jenis taburan data sama ada data tersebut normal ataupun tidak. Justeru, Analisis Kenormalan Kromogorov-Smirnov (KS) dan Shapiro-Wilk (SW) dilaksanakan. Analisis Ujian KS dan SW menunjukkan taburan data kajian yang tidak normal kerana aras signifikan bagi item pembolehubah ialah $p < 0.001$. Menurut Othman Talib (2015), apabila $p < 0.05$, data diklasifikasikan tidak bertaburan secara normal (bukan parametrik).

4. Dapatan Kajian

4.1 Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Jadual 1: Analisis item tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1.	Saya tahu fungsi Google Classroom dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	4.26	0.57	Tinggi
B2.	Saya tahu asas membina sebuah kelas Google Classroom seperti mendaftar kelas dan mengatur profil kelas.	3.82	0.74	Tinggi
B3.	Saya tahu untuk menjemput murid ke Google Classroom sama ada melalui kod kelas atau e-mel.	3.97	0.72	Tinggi
B4.	Saya tahu untuk menetapkan murid-murid dalam kumpulan.	3.77	0.76	Tinggi
B5.	Saya tahu fungsi-fungsi ikon dalam paparan menu Google Classroom.	3.72	0.66	Tinggi
B6.	Saya tahu menggunakan fungsi-fungsi ikon dalam paparan menu Google Classroom.	3.75	0.67	Tinggi
B7.	Saya tahu menggunakan fungsi Stream untuk memberi pengumuman kepada semua murid.	3.43	0.78	Sederhana
B8.	Saya tahu menggunakan aplikasi Google Workspace yang diintergrasikan dengan Google Classroom seperti Google Doc, Google Drive, Calender, Slides, Sheet dan sebagainya.	3.40	0.74	Sederhana
B9.	Saya tahu mengintergrasikan aplikasi lain dengan Google Classroom seperti Edpuzzle, Quizziz, Pear Deck, Kahoot!, Canva dan sebagainya.	3.43	0.88	Sederhana
B10.	Saya tahu untuk memuat naik dan memuat turun maklumat pada Google Classroom.	3.87	0.67	Tinggi
B11.	Saya tahu menetapkan tugas kepada murid di Google Classroom.	3.74	0.73	Tinggi
B12.	Saya tahu untuk membuat penilaian kepada murid berdasarkan tugas yang diberikan di Google Classroom.	3.69	0.69	Sederhana
B13.	Saya tahu untuk membuat maklum balas kepada murid berdasarkan tugas yang diberikan di Google Classroom.	3.77	0.69	Tinggi
B14.	Saya tahu untuk menganalisis prestasi murid di Google Classroom melalui fungsi Class Analytics.	3.32	0.90	Rendah
Keseluruhan		3.71	0.60	Tinggi

Jadual 1 memperincikan analisis item B1 hingga B14 yang menilai tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu luar bandar dalam mengaplikasikan GC dalam PdP. Secara keseluruhan, tahap pengetahuan guru berada pada paras tinggi dengan min keseluruhan ($x = 3.71$, $s = 0.60$). Kebanyakan item menunjukkan skor pada tahap tinggi. Item B1 *Saya tahu fungsi Google Classroom dalam proses pengajaran dan pembelajaran* merekodkan min tertinggi ($x = 4.26$, $s = 0.57$), manakala item B14 *Guru mengetahui cara menganalisis prestasi murid melalui fungsi Class Analytics* mencatat min terendah ($x = 3.32$, $s = 0.90$).

4.2 Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Jadual 2: Analisis item tahap kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1.	Saya mahir membina sebuah kelas Google Classroom seperti mendaftar kelas dan mengatur profil kelas.	3.42	0.73	Sederhana
C2.	Saya mahir untuk menjemput murid ke Google Classroom sama ada melalui kod kelas atau e-mel.	3.52	0.78	Sederhana
C3.	Saya mahir untuk menetapkan murid-murid dalam kumpulan	3.46	0.72	Sederhana
C4.	Saya mahir menggunakan fungsi-fungsi ikon dalam paparan menu Google Classroom	3.47	0.78	Sederhana
C5.	Saya mahir menggunakan fungsi Stream untuk memberi pengumuman kepada semua murid.	3.32	0.72	Sederhana
C6.	Saya mahir mengendalikan sesi perbincangan dalam Google Classroom bersama murid-murid.	3.47	0.77	Sederhana
C7.	Saya mahir menggunakan aplikasi Google Workspace yang diintegrasikan dengan Google Classroom seperti Google Doc, Google Drive, Calender, Slides, Sheet dan sebagainya.	3.35	0.75	Sederhana
C8.	Saya mahir mengintegrasikan aplikasi lain dengan Google Classroom seperti Edpuzzle, Quizziz, Pear Deck, Kahoot!, Canva dan sebagainya.	3.29	0.71	Sederhana
C9.	Saya mahir untuk memuat naik dan memuat turun maklumat pada Google Classroom.	3.61	0.78	Sederhana
C10.	Saya mahir menetapkan tugas kepada murid di Google Classroom.	3.60	0.78	Sederhana
C11.	Saya mahir untuk membuat penilaian kepada murid berdasarkan tugas yang diberikan di Google Classroom	3.45	0.79	Sederhana
C12.	Saya mahir untuk membuat maklum balas kepada murid berdasarkan tugas yang diberikan di Google Classroom.	3.50	0.75	Sederhana
C13.	Saya mahir untuk menganalisis prestasi murid di Google Classroom melalui fungsi <i>Class Analytics</i> .	3.17	0.73	Sederhana
Keseluruhan		3.43	0.67	Sederhana

Jadual 2 memperincikan analisis item C1 hingga C13 yang menilai tahap kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar dalam mengaplikasikan GC dalam PdP. Secara keseluruhan, tahap kemahiran guru berada pada paras sederhana ($x = 3.43$, $s = 0.67$). Analisis menunjukkan semua item dalam konstruk ini berada pada tahap sederhana. Item C9 *Saya mahir untuk memuat naik dan memuat turun maklumat pada Google Classroom* merekodkan min tertinggi ($x = 3.61$, $s = 0.78$), manakala item C13 *Saya mahir untuk menganalisis prestasi murid melalui fungsi Class Analytics* mencatat min terendah ($x = 3.17$, $s = 0.73$).

4.3 Sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Jadual 3: Analisis item sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
D1.	Saya suka meneroka mengenai penggunaan Google Classroom untuk meningkatkan kemahiran saya.	3.56	0.72	Sederhana
D2.	Google Classroom tidak sesuai dijadikan sebagai satu platform PdP masa kini.	2.41	1.03	Rendah
D3.	Saya suka bertanya kepada guru lain yang pakar dalam Google Classroom untuk meningkatkan kemahiran saya.	3.83	0.74	Tinggi
D4.	Saya mengikuti program atau kursus serta bengkel yang berkaitan dengan Google Classroom untuk meningkatkan kemahiran saya.	3.19	0.76	Sederhana
D5.	Saya berasa yakin untuk melaksanakan PdP dengan menggunakan Google Classroom.	3.28	0.86	Sederhana
D6.	Saya bermotivasi untuk melaksanakan PdP dengan menggunakan Google Classroom	3.43	0.79	Sederhana
D7.	PdP menggunakan Google Classroom sukar dijalankan berbanding PdP secara bersemuka.	3.17	0.91	Sederhana
D8.	Saya yakin penggunaan Google Classroom dapat membantu meningkatkan prestasi murid-murid saya.	3.42	0.76	Sederhana
D9.	Saya percaya penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan keberkesanan PdP saya.	3.52	0.74	Sederhana
D10.	Penilaian PdP sukar dilaksanakan dengan baik apabila menggunakan Google Classroom.	3.14	0.87	Sederhana
D11.	Saya berusaha untuk menyesuaikan bahan pengajaran saya supaya lebih efektif menggunakan Google Classroom.	3.55	0.76	Sederhana
D12.	Saya berpendapat bahawa penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan keterlibatan murid dalam PdP.	3.53	0.80	Sederhana
Keseluruhan		3.34	0.47	Sederhana

Jadual 3 memperincikan analisis item D1 hingga D12 yang menilai sikap guru Bahasa Melayu luar bandar dalam mengaplikasikan GC dalam PdP. Secara keseluruhan, sikap guru berada pada tahap sederhana ($x = 3.34$, $s = 0.47$). Item D3 *Saya suka bertanya kepada guru lain yang pakar dalam Google Classroom untuk meningkatkan kemahiran saya* mencatat min tertinggi ($x = 3.83$, $s = 0.74$). Sebaliknya, item D2 *Google Classroom tidak sesuai dijadikan sebagai satu platform PdP masa kini* merekodkan min terendah ($x = 2.41$, $s = 1.03$). Dapatan ini menunjukkan majoriti guru bersetuju bahawa GC sesuai digunakan sebagai platform PdP pada masa kini.

4.4 Hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Jadual 4: Hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

			Pengetahuan Guru	Kemahiran Guru
Spearman's Rho	Pengetahuan	Pekali Korelasi	1.000	.812**
		Sig. (2-hujung)	.	<.001
		N	205	205
	Kemahiran	Pekali Korelasi	.812**	1.000
		Sig. (2-hujung)	<.001	.
		N	205	205

***. Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).*

Jadual 4 memperlihatkan keputusan analisis pekali korelasi bagi pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP. Dapatan menunjukkan hubungan positif yang tinggi ($r_s = .812$). Nilai pekali korelasi positif ini menunjukkan bahawa peningkatan tahap pengetahuan guru seiring dengan peningkatan tahap kemahiran mereka dalam penggunaan GC. Nilai pekali korelasi yang positif ini juga menunjukkan bahawa apabila tahap pengetahuan guru meningkat, tahap kemahiran mereka untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP juga meningkat. Seterusnya, aras signifikan Spearman dua hujung yang digunakan dalam kajian ini ialah $\alpha = 0.05$ (Ferguson, G. A. 1976). Analisis menghasilkan nilai signifikan $p = .001$, iaitu $p < 0.05$, sekali gus mengesahkan bahawa hubungan ini signifikan secara statistik dan bukanlah disebabkan oleh kebetulan. Kesimpulannya, terdapat hubungan positif yang tinggi ($r_s = .812$, $p = .001$) antara pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP. Justeru, (H_01) yang menyatakan ‘tiada hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP’ ditolak.

4.5 Hubungan antara pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Jadual 5: Hubungan antara pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

			Pengetahuan Guru	Sikap Guru
Spearman's Rho	Pengetahuan	Pekali Korelasi	1.000	.562**
		Sig. (2-hujung)	.	<.001
		N	205	205
	Sikap	Pekali Korelasi	.562**	1.000
		Sig. (2-hujung)	<.001	.
		N	205	205

***. Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).*

Jadual 5 diatas memperincikan keputusan analisis pekali korelasi antara pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP, iaitu $r_s = .562$. Hal ini memperlihatkan hubungan positif sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah. Nilai korelasi positif $r_s = .562$ menunjukkan bahawa apabila tahap pengetahuan guru meningkat, sikap guru untuk mengaplikasikan Google Classroom dalam proses PdP juga bertambah baik. Seterusnya, aras signifikan Spearman dua hujung yang digunakan dalam kajian ini ialah $\alpha = 0.05$ (Ferguson, G. A. 1976). Berdasarkan analisis, nilai signifikan ialah $p = .001$. Merujuk Spearman, nilai signifikan $p < 0.05$ menunjukkan hubungan yang signifikan. Hal ini mengesahkan bahawa hubungan ini adalah bermakna secara statistik. Rumusannya, terdapat hubungan positif yang sederhana ($r_s = .562$, $p = .001$) antara pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP. Maka, (H_02) iaitu ‘tiada hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP’ ditolak.

4.6 Hubungan antara kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Jadual 6: Hubungan antara kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

		Kemahiran Guru	Sikap Guru
Spearman's Rho	Kemahiran	1.000	.630**
	Pekali Korelasi	.	<.001
	Sig. (2-hujung)	205	205
Sikap	Pekali Korelasi	.630**	1.000
	Sig. (2-hujung)	<.001	.
	N	205	205

***. Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).*

Jadual 6 memperlihatkan keputusan analisis pekali korelasi bagi pengetahuan guru terhadap sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP, iaitu $rs = .630$. Dapatan ini menunjukkan bahawa wujud hubungan positif yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah. Nilai korelasi positif $rs = .630$ menunjukkan bahawa apabila tahap kemahiran guru meningkat, sikap guru untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP juga bertambah baik. Seterusnya, aras signifikan Spearman dua hujung yang digunakan dalam kajian ini ialah $\alpha = 0.05$ (Ferguson, G. A. 1976). Berdasarkan analisis, nilai signifikan ialah $p = .001$. Merujuk Spearman, nilai signifikan $p < 0.05$ menunjukkan hubungan yang signifikan. Hal ini mengesahkan bahawa hubungan ini adalah bermakna secara statistik. Rumusannya, terdapat hubungan positif yang sederhana ($rs = .630, p = .001$) antara kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP. Kesimpulannya, (Ho3) 'tiada hubungan yang signifikan antara kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP' ditolak.

5. Perbincangan

Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu luar bandar untuk GC dalam proses PdP

Kajian ini mendapati bahawa guru Bahasa Melayu luar bandar berpengetahuan tinggi dalam mengaplikasikan GC dalam PdP. Hasil kajian ini dilihat selari dengan Lee, J. R. et al. (2022) serta Kaviza (2020) yang turut melaporkan tahap pengetahuan guru terhadap pengajaran dalam talian melalui GC adalah tinggi. Menurut Kaviza, M. (2020), tahap pengetahuan guru perempuan lebih rendah jika dibandingkan dengan guru lelaki kerana kurangnya pendedahan dan berpengalaman menggunakan aplikasi Google Workspace dalam proses PdP di sekolah. Kajian Magesvaran, U. (2021) turut melaporkan dapatan serupa, iaitu guru Bahasa Melayu sangat berpengetahuan untuk melaksanakan PdP dalam talian dengan menggunakan aplikasi Google Meet. Walaupun kajian tersebut berfokus kepada Google Meet, ia tetap berkait rapat dengan kajian ini. Hal ini demikian, pengkaji turut membincangkan tentang tahap pengetahuan guru untuk menggunakan aplikasi Google Workspace iaitu Google Meet yang diintegrasikan dengan Google Classroom pada konstruk pengetahuan. Dalam pada itu, kajian Intan Marfarrina Omar, et. al (2021) turut menunjukkan dapatan yang sama di mana guru berpengetahuan tinggi dalam TMK secara menyeluruh. Dapatan tersebut menjelaskan bahawa guru mempunyai pengetahuan tentang GC kerana aplikasi ini merupakan sebahagian daripada komponen TMK.

Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan kajian Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin (2021), yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap medium GC dalam PdP adalah rendah. Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin juga menjelaskan bahawa guru-guru

kurang membuat pembacaan mengenai GC dan hal ini secara langsung memberi dampak kepada tahap pengetahuan mereka terhadap aplikasi tersebut. Zhao, W. (2024) juga turut menyatakan hal yang sama yaitu guru masih kurang berpengetahuan dalam aspek TMK. Dapatan tersebut diperolehi atas beberapa faktor seperti umur dan jenis mata pelajaran. Menurutnya, guru yang lebih berumur mempunyai tahap pengetahuan teknologi yang rendah berbanding guru yang muda dan jenis mata pelajaran yang diajar guru juga memainkan peranan terhadap tahap pengetahuan tersebut. Di samping itu, Wu, D. et al. (2019) melaporkan bahawa masih wujud segelintir guru yang dikenal pasti mempunyai pengetahuan TMK yang terhad. Keadaan ini dikaitkan dengan kekangan peluang dalam memperoleh kemahiran TMK dalam kalangan guru di luar bandar berbanding rakan sejawat mereka di kawasan bandar. Impaknya, guru di luar bandar kurang menggunakan aplikasi pembelajaran dalam proses PdP di bilik darjah mereka.

Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Dapatan memperlihatkan bahawa kemahiran dalam mengaplikasikan GC dalam proses PdP didapati berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru Bahasa Melayu luar bandar. Hasil kajian ini konsisten dengan Kaviza, M. (2020), yang melaporkan tahap kemahiran guru dalam penggunaan GC adalah sederhana. Keadaan ini berlaku kerana mereka sedang dalam proses mempelajari kemahiran merancang, mereka bentuk dan melaksanakan aktiviti PdP melalui latihan profesional dan bengkel di sekolah. Magesvaran, U. (2021) turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa tahap penguasaan guru terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), termasuk GC, masih sederhana. Antara faktor penyumbang ialah kelaziman guru menggunakan TMK, terutamanya guru lama. Seseengah guru juga mengalami kesulitan untuk mengendalikan elemen atau ikon-ikon tertentu yang ada dalam aplikasi GC. Hal ini bertepatan dengan kajian pengkaji, yang menunjukkan bahawa fungsi-fungsi ikon dalam menu GC dan elemen seperti *Class Analytics* masih belum dikuasai sepenuhnya oleh guru. Tambahan, Nadia Abdul Hamid dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2017) serta Johari Hassan dan Siti Norazlina Kamisan (2010) turut menyatakan hal yang serupa iaitu guru mempunyai tahap kecekapan yang sederhana dalam menggunakan aplikasi LMS dan TMK. Hal ini dikaitkan dengan kecenderungan guru menggunakan teknologi untuk urusan peribadi sahaja serta beberapa halangan seperti kekurangan latihan, sikap, masa dan kemudahan.

Namun begitu, kajian Kuppusamy, Y. dan Helmi Norman (2021) menunjukkan dapatan yang sebaliknya kerana guru mempunyai tahap kemahiran teknologi yang tinggi. Hal ini kerana, mereka dapat mengintegrasikan teknologi LMS seperti GC dengan baik dalam PdP. Sebaliknya, kajian Oziah Rudin & Azni Yati Kamaruddin (2023) serta Sani Ahmad et al. (2022) melaporkan tahap kemahiran yang rendah. Kekangan utama iaitu kemahiran teknologi guru yang terhad, sekali gus menjejaskan pelaksanaan PdP digital termasuk penggunaan GC.

Sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Dapatan memaparkan bahawa sikap guru Bahasa Melayu luar bandar terhadap pengaplikasian GC dalam PdP adalah sederhana. Hasil tersebut selaras dengan kajian Sani Ahmad et al. (2022) iaitu terdapat 38 orang guru (46.91%) yang mempunyai sikap sederhana terhadap penggunaan Google Classroom. Kajian tersebut turut menilai item berkaitan keyakinan guru terhadap pemahaman dan peningkatan akademik murid melalui penggunaan aplikasi ini, yang mana kedua-duanya mencatatkan tahap sikap yang sederhana.

Sani Ahmad et al. turut melaporkan bahawa sebahagian guru berpendapat bahawa meskipun GC merupakan platform yang canggih, ia tidak memberi dampak yang signifikan terhadap keberkesanan PdP. Keadaan ini menyumbang kepada kecenderungan guru untuk terus

menggunakan kaedah tradisional seperti ceramah dan latih tubi kerana dianggap lebih berkesan dalam persediaan murid menghadapi peperiksaan (Hakim dan Ikhsan 2018). Tambahan, Alieto et al. (2024) serta Muhammad Syafiq Mansor dan Megat Aman Zahiri Megat Zakaria (2021) dalam kajiannya, menunjukkan bahawa guru secara umumnya memiliki sikap yang sederhana terhadap pengajaran dalam talian seperti GC tetapi mereka tetap menunjukkan kecenderungan positif terhadap penggunaan teknologi baharu dalam PdP secara dalam talian.

Sebaliknya, dapatan ini bertentangan dengan Nurul Hidayati Rofiah et al. (2022) kerana guru-guru dilaporkan mempunyai tahap sikap yang tinggi terhadap pembangunan TMK. Guru-guru dalam kajian tersebut terlibat secara aktif dalam pembangunan profesional, cepat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi serta mengikuti latihan dan bimbingan teknikal berkaitan. Ini membuktikan bahawa pengetahuan dan kesedaran guru terhadap TMK menyumbang kepada kebolehan mereka dalam mengaplikasikan GC dalam PdP.

Hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapat korelasi positif yang signifikan ($r_s = .812, p = .001$) antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam PdP. Hubungan ini adalah signifikan secara statistik. Hubungan positif yang tinggi ini bermaksud bahawa peningkatan tahap pengetahuan guru terhadap GC akan disertai dengan peningkatan tahap kemahiran mereka dalam mengaplikasikan platform tersebut. Ini membuktikan bahawa pengetahuan berperanan penting untuk membentuk kemahiran praktikal. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan keselarasan dengan dapatan Kaviza, M. (2020) serta Magesvaran, U. (2021) yang turut menyatakan bahawa tahap pengetahuan guru mempengaruhi tahap kemahiran mereka dalam menggunakan aplikasi teknologi seperti Google Classroom. Kajian tersebut menekankan bahawa guru yang memahami fungsi Google Classroom lebih cenderung untuk mempraktikkannya dengan lebih dalam PdP. Hubungan positif yang tinggi ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, seperti latihan profesional yang memberi penekanan pada aspek pengetahuan sebelum kemahiran diaplikasikan. Selain itu, pendedahan kepada teknologi Google Workspace juga membolehkan guru menerapkan pengetahuan mereka ke dalam kemahiran praktikal dengan lebih efektif. Secara keseluruhannya, korelasi positif yang signifikan antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan guru adalah kunci untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengaplikasikan Google Classroom.

Hubungan antara pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Secara keseluruhannya, wujud korelasi positif yang sederhana ($r_s = .562, p = .001$) antara tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar mengaplikasikan GC dalam proses PdP. Hubungan ini adalah signifikan secara statistik. Hubungan yang positif sederhana ini bermaksud bahawa peningkatan tahap pengetahuan guru terhadap GC berkait dengan peningkatan sikap positif mereka untuk menggunakan aplikasi tersebut. Namun begitu, hubungan ini tidaklah sekuat seperti yang dilihat dalam kajian hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran mengaplikasikan GC. Hal ini demikian menunjukkan bahawa pengetahuan bukanlah faktor tunggal yang mampu mempengaruhi sikap guru untuk mengaplikasikan Google Classroom. Dapatan kajian Wang, J. et al. (2019) menunjukkan bahawa pengetahuan guru mempengaruhi sikap mereka dalam menggunakan aplikasi teknologi seperti Google Classroom. Wang et al. (2019) turut melaporkan bahawa guru dengan tahap sikap dan pengetahuan yang lebih tinggi akan menggunakan *Digital Educational Resources* (DER) dengan lebih kerap. DER merupakan aplikasi LMS yang hampir serupa dengan GC. Justeru,

penemuan kajian tersebut seiring dengan dapatan kajian ini yang menyatakan tahap pengetahuan mempunyai hubungan positif dengan sikap guru terhadap penerapan aplikasi GC dalam PdP.

Tambahan, Wu, D. et al. (2019) turut menyatakan yang pendidik di kawasan luar bandar cenderung menggunakan teknologi dengan kurang kerap berbanding guru di kawasan bandar. Dapatan ini disebabkan oleh tahap pemahaman dan peluang untuk menguasai kemahiran TMK yang rendah di kawasan itu. Nurul Hidayati Rofiah et al. (2022) pula menyatakan bahawa guru yang memahami peranan mereka dalam pembangunan TMK, terlibat secara aktif (sikap) dalam pembangunan diri. Dapatan ini memperlihatkan kesamaan dengan hasil kajian, di mana tahap pengetahuan dan sikap yang positif mungkin dapat diperkukuh melalui penyertaan guru dalam latihan TMK serta pembangunan profesional sendiri. Justeru, hubungan sederhana antara pengetahuan dan sikap mungkin dipengaruhi oleh kekangan seperti akses kepada latihan TMK, infrastruktur teknologi dan pengalaman guru menggunakan teknologi di kawasan luar bandar.

Hubungan antara kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar untuk mengaplikasikan GC dalam proses PdP

Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana ($r_s = .630, p = .001$) antara tahap kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu luar bandar mengaplikasikan GC dalam proses PdP. Hubungan ini adalah signifikan dari segi statistik, yang menjelaskan bahawa peningkatan tahap kemahiran guru dalam menggunakan Google Classroom turut meningkatkan sikap positif mereka terhadap penggunaannya dalam PdP. Penemuan ini sejajar dengan kajian Sani Ahmad et al. (2022), yang melaporkan bahawa sebahagian guru (16.05%) dengan tahap kemahiran TMK sederhana lebih cenderung untuk membuat keputusan untuk menerapkan atau mengetepikan penggunaan aplikasi GC sewaktu mengajar. Situasi ini secara langsung memperlihatkan kewujudan hubungan antara tahap kemahiran dan sikap guru tersebut.

Namun begitu, penemuan ini bertentangan dengan kajian Sani Ahmad et al. (2022) yang melaporkan bahawa tahap kemahiran TMK yang tinggi menjadi faktor utama yang mempengaruhi keputusan guru untuk menggunakan GC. Hal ini bermaksud, guru dengan kemahiran TMK yang tinggi lebih cenderung untuk bersikap positif terhadap penggunaan teknologi. Beliau mendapati bahawa sebilangan besar guru (83.95%) memiliki kemahiran TMK yang tinggi dan mereka menunjukkan sikap yang positif untuk melaksanakan GC dalam proses PdP. Tambahan, Wang, J. et al. (2019) turut berpendapat bahawa guru yang berkemahiran tinggi akan bersikap lebih positif bagi menggunakan DER dengan lebih kerap. DER mempunyai sifat seperti GC dan aplikasi ini bukan sahaja meningkatkan kualiti pendidikan tetapi juga menyokong pembelajaran yang fleksibel. Justeru, guru yang mempunyai kemahiran tinggi lebih cenderung untuk melihat potensi ini, yang boleh memupuk sikap positif untuk menggunakan GC. Tambahan, Mohd. Anuar Abd. Rahman dan Ahmad Kamari (2011) juga menunjukkan dapatan yang bertentangan apabila guru menunjukkan sikap yang lebih baik dalam TMK apabila mereka mempunyai tahap kemahiran TMK yang tinggi di sekolah. Hal ini boleh dikaitkan dengan dapatan kajian ini kerana Google Classroom merupakan sebahagian daripada TMK.

Tuntasnya, kajian ini dapat membuka mata pihak-pihak berkepentingan tentang kompetensi semasa guru Bahasa Melayu di luar bandar untuk menggunakan aplikasi GC dalam PdP. Hal ini penting bagi pihak berkepentingan untuk membuat perancangan dan sokongan yang berkomprensif bagi mengasah pengetahuan, kemahiran dan membina sikap positif yang menyeluruh terhadap penggunaan GC kepada guru-guru yang memerlukan. Melalui langkah

ini, guru berpeluang untuk memperkukuhkan kemahiran teknikal dan pedagogi mereka, di samping memanfaatkan sepenuhnya potensi GC dalam mempertingkatkan mutu pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kompetensi guru luar bandar dalam mengaplikasikan GC dalam PdP Bahasa Melayu masih belum mencapai tahap optimum. Meskipun tahap pengetahuan adalah tinggi, kekangan dalam aspek kemahiran dan sikap yang kekal sederhana menunjukkan ketidakseimbangan kompetensi yang boleh menjejaskan keberkesanan integrasi teknologi dalam PdP. Beberapa kajian lepas telah membuktikan bahawa penerapan GC dalam PdP mampu meningkatkan minat, fokus, pemahaman, keyakinan murid serta mencipta suasana pembelajaran bahasa yang lebih seronok berbanding kaedah tradisional.

Demi memastikan para guru di Malaysia dapat melaksanakan PdP yang relevan pada masa kini, dicadangkan agar guru menyertai pelbagai jenis kursus atau bengkel penggunaan GC yang berbentuk amali atau praktikal secara berterusan. Hal ini mampu membantu guru mendalami cara penggunaan platform dengan lebih baik dan cekap. Dalam pada itu, pihak KPM, JPN, PPD serta pentadbir sekolah perlu memainkan peranan dalam mengukuhkan perkhidmatan sokongan teknikal yang melibatkan penyediaan latihan dan panduan berterusan untuk guru supaya mereka sentiasa dilengkapi dengan perkembangan terkini dalam teknologi pendidikan.

Bagi kaji lanjutan, dicadangkan untuk menggunakan sampel yang lebih luas dan besar kerana data yang diperolehi akan menyeluruh dan mendalam. Berdasarkan kajian ini, limitasi kajian hanya di lokasi kajian sahaja. Maka, pengkaji menyarankan kajian lanjutan yang meliputi sampel satu Malaysia supaya dapatan-dapatan yang diperolehi akan lebih tekal dan menyeluruh.

Penghargaan: Terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan serta guru-guru yang terlibat sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Alieto, E., Abequibel-Encarnacion, B., Estigoy, E., Balasa, K., Eijansantos, A. & Torres-Toukoumidis, A. (2024). Teaching inside a digital classroom: A quantitative analysis of attitude, technological competence and access among teachers across subject disciplines. *Heliyon*, 10(2) e24282.
- Azman Jais (2018). *Pendekatan kuantitatif sebagai alternatif*. Universiti Malaysia Sabah.
- Chee, J., Nor, M. M., Othman, A. J., & Rahman, M. N. A. (2018). Isu pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 6(1), 7-21.
- Ching, M. C. H. (2022). Google Classroom sebagai salah satu platform dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran: Satu kajian tinjauan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 10(1), 1-9.
- Ferguson, G. A. (1976). *Statistical analysis in psychology and education*. New York: McGraw-Hill.
- Hakim, N. A. & Ikhsan, Z. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah dalam mata pelajaran Sains. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*. Universiti Malaya.

- Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman & Nor Asiah Ismail (2021). Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan komsas guru Bahasa Melayu di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 47-61.
- Johari Hassan & Siti Norazlina Kamisan. (2010). Halangan terhadap penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan guru di sekolah menengah kebangsaan luar bandar di daerah Kulai Jaya, Johor. <http://eprints.utm.my/id/eprint/11032/>.
- Kaviza, M. (2020). Kesediaan guru Sejarah terhadap penggunaan Google Classroom. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(8), 133-139.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Google Classroom* <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/google-classroom-gc>
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Kuniawan, B. & Purnomo, A. (2020). Penggunaan aplikasi Google Classroom sebagai upaya peningkatan pembelajaran online bagi guru mata pelajaran IPS. *International Journal of Community Service Learning*, 4(1), 1-9.
- Kuppusamy, Y. & Helmi Norman (2021). Kemahiran teknologi dan kesediaan melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa era pandemik dalam kalangan guru di sekolah rendah Tamil. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 428-441.
- Lee, J. R., Saemah Rahman & Shahlan Surat (2022). Hubungan antara kesediaan, pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pengajaran dalam talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(6), e001585.
- Magesvaran, U. (2021). Tahap pengetahuan dan kekakangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi Google Meet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 39-53.
- Mohd. Anuar Abd. Rahman & Ahmad Kamari (2011). Pengetahuan, kemahiran dan sikap guru penyelaras ICT di sekolah-sekolah rendah Zon Paloh, Kluang. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1(9).
- Muhammad Syafiq Mansor & Megat Aman Zahiri Megat Zakaria (2021). *Penerimaan guru terhadap penggunaan Google Classroom semasa proses PdP secara dalam talian menggunakan Model TAM*. <https://www.researchgate.net/publication/3>
- Nadia Abdul Hamid & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2017). Aplikasi persekitaran pembelajaran Maya Frog (Frog VLE) dalam kalangan guru di sekolah menengah luar bandar. *Jurnal Wacana Saujana*, 1(1): 1-12.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw Hill.
- Neuman, W. L. (2012). *Understanding Research*. Prentice Hall Publisher.
- Noor Desiro Saidin & Hazrati Husnin (2021). Google Classroom sebagai pelantar M-pembelajaran: Tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 278-292.
- Nurul Hidayati Rofiah, Restiana & Rahmatikan Dewi (2022). Promoting digital literacy: Assessing teachers' readiness in utilizing information and communication technology for learning in rural areas. *Jurnal Prima Edukasia*, 12(1), 41-51.
- Othman Talib (2015). *SPSS analisis data kuantitatif untuk penyelidik muda*. MPWS Rich Publication Sdn. Bhd.
- Oziah Rudin & Azni Yati Kamaruddin (2023). Pelaksanaan pengajaran secara digital dalam kalangan guru pendidikan Moral sekolah menengah luar bandar semasa pandemik. *Journal of Educational Research*, 41(1), 104-123.

- Rohi, I. R., Nafie, A. J., Baun, A. & Masi, P. W. (2022). Potret kompetensi pedagogik guru mengoptimalkan pembelajaran pendidikan jasmani, olahraga dan kesehatan melalui Google Classroom. *Jurnal Olahraga Pendidikan Indonesia (JOPI)*, 2(1), 28-41.
- Sani Ahmad, Norazrena Abu Samah, Nurul Farhana Jumaat, Zakiah Mohamad Ashari & Khairul Anuar Abdul Rahman (2022). Faktor penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru Sains sekolah rendah. *Jurnal Sains Humanika*, 14(3-2), 95–104. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3-2.2024>.
- Wan, X. N., Muniappan, P., Borhan, M. T., Gorgey, A., & Taha, H. (2022). Minat dan kemahiran guru Sains sekolah menengah terhadap penggunaan Google Classroom. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 10(2), 40-49.
- Wang, J., Tigelaar, D. E. & Admiraal, W. (2019). Connecting rural schools to quality education: Rural teacher's use of digital education resources. *Computers in Human Behavior*, 101, 68-76.
- Wu, D., Li, C. C., Zhou, W. T., Tsai, C. C., & Lu, C. (2019). Relationship between ICT supporting conditions and ICT application in Chinese urban and rural basic education. *Asia Pacific Education Review*, 20, 147-157.
- Zhao, W. (2024). A study of the impact of the new digital divide on the ICT competences of rural and urban secondary school teachers in China. *Heliyon*, 10(7): e29186.